

**TEKS USUL**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018**

**USUL MENDESAK KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEWAJIBKAN**  
**SEKTOR SWASTA MENYEDIAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**  
**OLEH SITI KHADIJAH BINTI ZAINI**

Saya mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menggesa penubuhan pusat jagaan kanak-kanak bagi pekerja wanita yang berstatus ibu untuk memastikan penglibatan golongan wanita dalam sektor pekerjaan berada di tahap yang baik.

Saya mendapati bahawa penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan terutamanya sektor swasta adalah amat rendah disebabkan tiada pilihan lain selain berhenti kerja dan menjaga anak di rumah.

Kajian daripada Talent Corp bertajuk Mengekalkan Wanita Dalam Tenaga Kerja menunjukkan 65% wanita di Malaysia meninggalkan alam pekerjaan kerana ingin menumpukan perhatian kepada keluarga, khususnya untuk menjaga anak.

Alasan lain yang diberikan juga adalah kerana sukar untuk menyeimbangkan tugas di pejabat dengan tanggungjawab rumahtangga. Tambahan pula, masalah menjadi lebih sukar apabila tiada sokongan daripada pihak keluarga. 2/3 wanita di Malaysia juga menyatakan faktor keluarga sebagai alasan utama untuk berhenti kerja atau tidak kembali bekerja selepas melahirkan anak.

Saya berpendapat bahawa keadaan ini adalah satu kerugian yang amat besar kepada pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita juga adalah aset negara yang mampu menyumbang kepada pembentukan negara maju sedangkan peratus wanita di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah 68% hingga 71%.

Saya mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menggesa atau sekurang-kurangnya meningkatkan peratusan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di sektor swasta oleh itu ibu-ibu bekerja ini tidak perlu risau lagi akan keadaan anak mereka yang terpaksa ditinggalkan di pusat asuhan persendirian atau bersamaorang gaji.

Saya juga berpendapat bahawa usaha ini sebagai serampang dua mata untuk meningkatkan partisipasi wanita dalam sektor pekerjaan dan juga sebagai usaha kerajaan menjaga kebajikan kanak-kanak untuk mengelakkan berlakunya lebih banyak kes penderaan kanak-kanak oleh individu atau pusat asuhan persendirian.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

**Siti Khadijah Binti Zaini**

**Sidang Muda 2018**

